



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 05 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	BINCANG HALA TUJU, STRATEGI SEKURITI MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH-14 ACTION PLAN ON NATIONAL FOOD SECURITY, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-2 BOOKS ON AGROPRENUER SUCCESS STORIES, UAM EFFORTS LAUNCHED BY MAFI, ONLINE, THE SUN AGRICULTURE MINISTRY TO IMPLEMENT POLICY TO ENCAURAGE CORN FARMING FOR ANIMAL FEED, ONLINE, THE SUN	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7. 8. 9.	GERAKAN BUAT LAPORAN SPRM ISU PUSAT PENYIMPANAN AYAM, NEGERI P.PINANG, KEDAH, SH-29 RATUSAN BOT LAUT DALAM TERSADAI, NEGERI PERAK, KEDAH SH-28 GERAK SEMULA BOT TERSADAI, LOKAL, HM-17 LKIM MINTA LONGGAR SYARAT KEMASUKAN AWAK - AWAK LUAR, NASIONAL, BH-7 RATUSAN BOT LAUT DALAM KINI TERSADAI - LKIM, NEGARA, KOSMO-7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAN (DVS)
10.	NAFAS HAMPIR SELESAI EDAR BENIH PADI SAH, NASIONAL, BH-5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
11.	PROGRAM SEINDAH RAMADAN BERSAMA AGROBANK, LOKAL, HM-19	AGROBANK
12.	AIRASIA FARM TO SET UP WAREHOUSE IN SABAH, NEWS IN BRIEFS, NST-12	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bincang hala tuju, strategi sekuriti makanan negara

PUTRAJAYA – Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara diadakan pada Isnin berbincang mengenai hala tuju, strategi dan isu berkaitan sekuriti makanan negara.

Mesyuarat dipengerusikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Rosalid Khande itu turut membentangkan lima kertas kerja termasuk Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara yang disaran-kan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurut kenyataan ke-menterian terbabit, mesyuarat berlangsung di Wisma Tani itu diadakan secara hibrid dengan kehadiran secara dalam talian 17 ahli tetap melibatkan ketua-ketua seiausaha ke-menterian, ketua-ketua jabatan dan agensi.

Mesyuarat turut melibat-

kan ahli akademik, pemain industri dan pertubuhan bu-kan kerajaan (NGO) yang telah dilantik.

“Antara Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Ne-gara yang dicadangkan adalah mengikut kluster ditubuhkan sebelum ini iaitu Kluster Ke-terseidaan, Kluster Keboleha-capaian, Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan, serta Kluster Kestabilan dan Kemampunan.

“Selain itu, topik yang di-beri perhatian adalah berka-itan tindakan pengukuhan pemantauan pengimportan daging serta strategi bagi me-nangani isu bekalan dan ke-naikan harga bawang,” kata kenyataan itu.

Dua lagi kertas kerja turut dilaporkan iaitu Status Pro-gram Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dan Pres-tasi Negara dalam Indeks

Prestasi Malaysia Dalam In-deks Sekuriti Makanan Glo-bal (GFSI) 2020.

Menurut kenyataan, idea serta saranan yang diketegahkan ahli jawatankuasa eksekutif itu akan diperhalusi dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Me-ngeuai Dasar Sekuriti Makan-an Negara yang dijangka ber-

sidang Jun ini.

“Jawatankuasa eksekutif yang dipengerusikan menteri itu diubuhkan bagi menyela-ras cadangan untuk mengu-kuhkan sekuriti makanan negara serta mengawal selia pelaksanaan keputusan dan arahan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Ma-kanan Negara,” katanya.

Tambahnya, kerajaan akan terus mengambil langkah pro-gresif bagi memantapkan tadbir urus sekuriti makanan negara dan mentransformasi-kan sektor agromakanan ke tahap lebih baik sekali gus memastikan bekalan makan-an terjamin, mencukupi dan terkawal dalam apa jua kea-daan.

Mesyuarat
Jawatankuasa
Eksekutif
Mengenai
Dasar Sekuriti
Makanan
Negara
diadakan pada
Isnin
diwujudkan
oleh Rosalid
(tanan).



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.05.2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

Action plan on national food security

PUTRAJAYA: Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee chaired a meeting yesterday to discuss the National Food Security Policy Action Plan, enhanced monitoring of meat imports, as well as strategies to address supply issues and rising onion prices.

The Agriculture and Food Industries Ministry in a statement said the executive committee meeting discussed a Large-Scale Smart Padi Field Programme and the country's performance on the Global Food Security Index 2020.

It said the National Food Security Policy Action Plan was proposed by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin at the previous cabinet committee meeting on National Food Security Policy.

The proposed action plan would follow "clusters" that had been set up previously, namely Availability, Accessibility, Food and Nutrition Safety and Stability, and Sustainability.

The cabinet committee, which is expected to convene in June, will refine and consider ideas and suggestions presented by the executive committee, Bernama reported.

The executive committee was set up to coordinate proposals to strengthen the country's food security as well as regulate the implementation of decisions and directives of the Cabinet Committee on National Food Security Policy.

"The government will continue to strengthen the country's food security."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.05.2021	THE SUN	ONLINE	

BOOKS ON AGROPRENEUR SUCCESS STORIES, UAM EFFORTS LAUNCHED BY MAFI



PUTRAJAYA: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has launched two books – *Inspirasi Agropreneur Muda* and *Lembaran 2020 Agropreneur Muda* – to guide and motivate young Malaysian agropreneurs.

The former tells about the positive changes experienced by 130 agropreneurs after they received the Young Agropreneur Grant from 2016 - 2020, while the latter focuses on the efforts of the Unit Agropreneur Muda (UAM) last year to promote programmes in collaboration with MAFI's departments and agencies.

The books were launched at the same time as the Program My Best Buy Aidilfitri yesterday by Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Seri Ronald Kiandee.

"These entrepreneurs managed to increase their income through hard work on projects in the agriculture, livestock and fisheries sectors, as well as food industries," a statement from MAFI said today of *Inspirasi Agropreneur Muda*.

The UAM, on its part, planned various promotional, domestic and foreign market participation programmes, courses as well as project monitoring last year, but it all had to be changed after the government decided to impose the movement control order (MCO) starting March 18, 2020.


"The UAM was affected by it and had to realign to the government's new norms," MAFI said.

This being the case, the monitoring and turun padang programmes became known as *Jelajah Agropreneur Muda* and connected the youth with the top echelon of MAFI, including the minister and deputy minister.

MAFI said the success of the programmes has been recorded in *Lembaran 2020 Agropreneur Muda* and demonstrates the ministry's continuous efforts to encourage youth participation in the fields of agriculture and agrofood. — *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.05.2021	THE SUN	ONLINE	

AGRICULTURE MINISTRY TO IMPLEMENT POLICY TO ENCOURAGE CORN FARMING FOR ANIMAL FEED



PUTRAJAYA, May 3 — The Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi) will implement a policy to encourage more people to venture into the corn farming industry to produce animal feed.

Its minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the long-term policy was needed because the government no longer wants to depend on imported corn or bran as animal feed.

“The increase in bran and corn prices are influenced by the global market which is beyond the government’s control. We need to encourage more people to get involved in the corn farming industry,” he said in a press conference after launching the My Best Buy Aidilfitri programme, here, today.

The media previously reported that the rising costs of imported poultry feed was one of the main reasons for the increase in chicken prices.

Gerakan buat laporan SPRM isu pusat penyimpanan ayam

GEORGETOWN - Parti Gerakan Pulau Pinang membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Selasa berhubung isu pembinaan pusat penyimpanan dan pengedaran ayam di Pasar Awam Batu Lanchang di sini.

Ketua Biro Pengaduan Awam Gerakan Pulau Pinang, H'ng Khoon Leng berkata, laporan yang dibuat menerusi dalam talian pada jam 7.35 pagi itu membabitkan dua pihak iaitu kerajaan Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Katanya, kedua-duanya didakwa gagal menjawab segala persoalan yang ditutarakan berhubung isu terbabit.

"Laporan ini dibuat berdasarkan 10 asas antaranya mengenai keluasan pusat penyimpanan dan pengedaran ayam yang didakwa melebihi bebanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Pembinaan pusat itu dika-

takan seluas 3,527 meter persegi dengan kos mencecah sehingga RM11 juta.

"Berdasarkan manual Jabatan Perkhidmatan Veterinar, tiga kategori pusat penyembelihan dan pemrosesan ayam hanya seluas antara 93 sehingga atau lebih 130 meter persegi," katanya kepada pemberita di hadapan Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang di Jalan Sultan Ahmad Shah di sini pada Selasa.

Beliau berkata, kehadiran bagi Ibu Pejabat SPRM itu sokongan berikutan tidak boleh dimuat naik menerusi portal badan berkuasa tersebut.

Katanya, turut menjadi persoalan ialah syarikat yang bakal mengendalikan pengedaran ayam di pusat itu didakwa langsung tidak mempunyai pengalaman dalam industri tersebut dan hanya mempunyai dalam bidang belakang hartanah warisan.

"Persoalan ini telah kami bangkitkan dalam memoran-


dum yang diserahkan kepada kerajaan negeri pada 8 April lalu namun sehingga kini, tiada jawapan malah gesaan kami tidak dilayan," katanya.

Jelasnya, laporan kepada SPRM itu bukan langkah terakhir kerana pihaknya akan terus menggesa untuk mendapatkan penjelasan berhubung isu tersebut.

"Isu ini amat serius kerana ia menjejaskan lebih 30 peniaga ayam di pasar berkenaan. Kerajaan negeri dan MBPP perlu perjelaskan agar semua pihak tidak syak wasangka terhadap mereka," katanya.

Parti Gerakan Pulau Pinang sebelum ini memberi amaran kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya masih membusu berhubung isu pembinaan pusat penyimpanan dan pengedaran ayam di pasar berkenaan. Ia berikutan banyak perkara yang tidak jelas termasuk status sebenar projek tersebut.

Pada 8 April lalu, Parti Ge-



Khoo Leng (kini) bersama beberapa ahli Gerakan Pulau Pinang menyerahkan dokumen sekongan kepada SPRM untuk slasatan dijalankan.

rakan Pulau Pinang dan Gabungan Peniaga-Peniaga Ayam Pulau Pinang menyerahkan memorandum bantahan kepada Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berhubung isu pembekalan ayam dan penggunaan peti sejuk (chiller) yang didakwa membebankan peniaga ayam di

bagian pulau negeri ini. Selain penyerahan memorandum bantahan di Komtar itu, lebih 30 peniaga ayam turut berkumpul secara aman bagi menyuarakakan bantahan terhadap larangan aktiviti penyembelihan di premis MBPP yang akan dikuatkuasakan pada Jun.

Ratusan bot laut dalam tersadai

Syarat ketat kemasukan awak-awak asing menyebabkan bot laut dalam tak beroperasi

Oleh NOOR AINON
MOHAMED YUSOF

TAIPING

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) meminta kerajaan mengkaji semula isu kekurangan pekerja asing bagi membolehkan sektor perikanan kembali pulih selepas terjejas teruk sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Pengerusinya, Danuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, syarat ketat

kemasukan pekerja atau awak-awak dari Thailand, Vietnam dan Myanmar menyebabkan ratusan bot laut dalam tersadai tidak beroperasi.

"Permohonan untuk memasukakan pekerja atau awak-awak dari Thailand sudah ada dan diluluskan, namun terhalang disebabkan peraturan ketat daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

"Di Bukit Gantang iaitu di Panchor dan Kuala Sepetang sahaja kita ada 300 buah bot laut dalam yang tersadai akibat ketiadaan pekerja asing dan perkara ini bertakut sejak pandemik Covid-19.

"Pekerja tempatan kita sebenarnya masih kurang lasak untuk bekerja di sektor ini yang perlu berada di lautan berminggu-minggu," katanya ketika ditemui pada program bantuan asnaf sempena Ra-

madan Parlimen Bukit Gantang di gelanggang futsal Bukit Gantang di sini pada Selasa.

Menurutnya, pengoperasian bot-bot tempatan juga dapat bertindak sebagai mata dan telinga kepada penguatkuasa bagi menghalang pencerobohan bot nelayan negara asing yang mengaut hasil laut negara.

"Kerajaan perlu memikirkan sesuatu seperti melonggarkan sedikit syarat kemasukan pekerja asing bagi membolehkan bot-bot laut dalam yang tersadai ini dapat digerakkan dan dapat bertindak menjadi benteng pertahanan perairan negara dari terus diceroboh.

"Bagi memastikan sumber perikanan kita tidak terus diambil penceroboh asing, kerajaan perlu segera bertindak bagi menggerakkan semula industri laut dalam," katanya.



Syed Abu Hussin (tengah) menyampaikan bantuan asnaf sempena Ramadan di gelanggang futsal Bukit Gantang pada Selasa.

05.05.2021

HARIAN METRO

LOKAL

17

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmed Pauzi
am@hmetro.com.my

Taiping

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap terdapat ke-longgaran bagi memasukan pekerja asing atau awak-awak dari Thailand, Vietnam dan Myanmar bagi membolehkan ratusan bot laut dalam yang tersadai dapat digerakkan semula.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata selain dapat menggerakkan industri laut dalam, bot itu juga dapat bertindak sebagai benteng pertahanan bagi menghalang bot negara asing mengaut hasil lautan negara.

Menurutnya, ratusan bot tersadai dan tidak beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Permohonan untuk memasukan pekerja atau awak-awak dari Thailand sudah ada dan diluluskan namun terhalang disebabkan peraturan dari Jabatan Imigresen.

"Pekerja tempatan kita sebenarnya masih kurang dalam ketahanan untuk bekerja



SYED Abu Hussin (dua dari kanan) menyerahkan replika cek bantuan kepada penerima pada Program Bantuan Asnaf Ramadan Parlimen Bukit Gantang, semalam.

Gerak semula bot tersadai

LKIM mohon longgar kemasukan pekerja asing

atas bot laut dalam kerana kebiasaannya mereka akan berada di lautan selama ber-minggu-minggu," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Program Bantuan Asnaf Sempena Ramadan Parlimen Bukit Gantang di Gelanggang Futsal Bukit Gantang, di sini, se-

malam.

Mengulas kejayaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merampas tiga bot dari Vietnam dengan hasil luri sebanyak 1.5 tan, jelas menggambar-kan ketiadaan bot tempatan memberi ruang kepada bot dari negara asing untuk

menceroboh dan mengaut hasil perairan negara.

"Di Bukit Gantang sahaja iaitu di Panchor dan Kuala Sepetang, kita ada 300 bot laut dalam yang tersadai akibat ketiadaan pekerja asing dan perkara ini berlaku semenjak pandemik Covid-19," katanya.

LKIM minta longgar syarat kemasukan awak-awak luar

Langkah bagi bolehkan ratusan bot laut dalam digerak semula

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
bhews@nstp.com.my

Tapling: Kerajaan diharap melonggarkan syarat kemasukan awak-awak dari Thailand, Vietnam dan Myanmar bagi membolehkan ratusan bot laut dalam yang tidak beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) digerakkan semula.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata bot berkenaan juga beruapaya menghala ke bot negara asing mengaut hasil laut negara seperti berlaku di Thailand, baru-baru ini.

"Permohonan membawa masuk pekerja atau awak-awak dari Thailand sudah diluluskan tetapi terhalang berikutan peraturan ketat Jabatan Imigresen.

"Kita harap syarat kemasukan



Syed Abu Hussin Hafiz (dua dari kanan) menyerahkan replika cek bantuan kepada Pengerusi Masjid Kampung Senduduk, Nasrudin Ahmad di Tapling, semalam. (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi /BH)

itu dilonggarkan sedikit supaya operasi menangkap ikan di laut dalam dapat bergerak semula.

"Pekerja tempatan masih kurang daya ketahanan bekerja di bot laut dalam kerana perlu berada di laut berminggu-minggu lamanya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Bantuan Asnaf Semperna Rukun Parlimen Bukit Gantang di Gelanggang Futsal Bukit Gantang, di sini, semalam.

Katanya, kejayaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(Maritim Malaysia) merampas tiga bot dari Vietnam dengan hasil laut sebanyak 1.5 tan, mengganjarkan penceroobohan mudah berlaku kerana ketiadaan bot tempatan.

"Di Bukit Gantang sahaja iaitu di Panchor dan Kuala Sepetang, ada 800 bot laut dalam tersadai akibat tiada pekerja asing sejak penularan pandemik COVID-19.

"Bagi memastikan sumber pekerjaan kita tidak terus dikurangkan, kerajaan perlu menggerakkan semula industri laut da-

lam," katanya.

Kelmarin, APMM menginsir tiga bot penguat kuasa Vietnam dan menghalang mereka merampas tiga bot negara itu yang menceroob perairan negara pada kedudukan 119 hingga 120 batu nautika Timur Laut Kuala Terengganu.

APMM turut merampas hasil tangkapan 1.5 tan dan menahan 19 nelayan warga Vietnam termasuk tekong berusia 21 hingga 61 tahun dengan aset rampasan keseluruhan RM4.5 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.05.2021	KOSMO	NEGARA	7



NORIZA ADNAN dari Kampung Pauh menerima kerusi roda beserta sumbangan kotak makanan dan wang RM100 daripada Syed Abu Hussin (kanan). - FOTO WAT KAMAL ABAS

Rayu kerajaan longgarkan kemasukan pekerja asing Ratusan bot laut dalam kini tersadai – LKIM

Oleh WAT KAMAL ABAS

TAIPING – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) meminta kerajaan mengkaji semula isu kekurangan pekerja asing bagi membolehkan sektor perikanan kembali pulih selepas terjejas teruk sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, syarat ketat kemasukan pekerja atau awak-awak dari Thailand, Vietnam dan Myanmar menyebabkan ratusan bot laut dalam tersadai tidak boleh beroperasi.

"Permohonan untuk memasukkan pekerja atau awak-awak dari negara Thailand sudah ada

dan telah diluluskan, namun terhalang disebabkan peraturan ketat daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

"Di Bukit Gantang iaitu di Pan-chor dan Kuala Sepetang sahaja kita ada 300 buah bot laut dalam yang tersadai akibat ketladaan pekerja asing dan perkara ini telah berlaku sejak pandemik Covid-19.

"Pekerja tempatan kita sebenarnya masih kurang lasak untuk bekerja di sektor ini yang perlu berada di lautan berminggu-minggu," katanya ketika ditemui pada program Bantuan Asnaf Sempena Ramadan Parlimen Bukit Gantang, di Gelanggang Futsal Bukit Gantang di sini semalam.

Menurutnya, pengoperasian

bot-bot tempatan juga dapat bertindak sebagai mata dan telinga kepada penguat kuasa bagi menghalang pencerobohan bot nelayan negara asing yang mengaut hasil laut negara.

"Kerajaan perlu memikirkan sesuatu seperti melonggarkan sedikit syarat kemasukan pekerja asing bagi membolehkan bot-bot laut dalam yang tersadai ini dapat digerakkan dan dapat bertindak menjadi benteng pertahanan perairan negara dari terus diceroboh.

"Justeru, bagi memastikan sumber perikanan kita tidak terus diambil penceroboh asing, kerajaan perlu segera bertindak bagi menggerakkan semula industri laut dalam ini," katanya.

NAFAS hampir selesai edar benih padi sah

Kuala Lumpur: Hampir 100 peratus benih padi sah selesai di-edarkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada pesawah, kelmarin sekali gus menyelesaikan isu membelenggu petani sebelum ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata benih padi sah itu diedarkan kepada pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) fasa satu.

“Bagi penanaman fasa 2 dan 3 pula, benih padi akan diedarkan berdasarkan jadual ditetapkan,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Bellau mengulas aduan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH) yang mendakwa hampir 10,000 petani di kawasan MADA belum menerima benih padi sah.

Ia sekali gus menyebabkan proses menanam padi untuk musim baharu tidak dapat di-

mulakan ketika ini.

Susulan itu, *BH* difahamkan mesyuarat turut diadakan antara pihak kementerian dan semua agensi terbabit dalam membincangkan isu berkenaan semalam.

Pada 21 April lalu, *BH* melaporkan lebih 30,000 pesawah MADA berdepan masalah kelewatan benih padi sah, sedangkan penanaman baharu bagi fasa pertama sepatutnya bermula 1 April lalu.

Keadaan itu berlaku berikutan NAFAS dikatakan gagal membekalkan benih padi sah ke kawasan MADA dan sebahagian besar skim tanaman padi di Semenanjung.

Berdasarkan laman web MADA, keluasan tanaman padi mengikut lokaliti berjumlah 100,685 hektar merangkumi empat wilayah iaitu Perlis, Jitra, Pendang dan Kota Sarang Semut.



Ahmad Hamzah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.05.2021	HARIAN METRO	LOKAL	19

AGRO BANK
Seindah Ramadan
 2020
AGRO BANK

Jangan lupa untuk menyaksikan Program Seindah Ramadan Bersama Agrobank di Youtube Agrobank pada setiap minggu jam 1 tengah hari. Sebagai tanda sokongan anda, kami telah menyediakan hadiah istimewa.

Sila imbas Kod QR untuk mendapatkan hadiah. Terhad untuk 50 orang pertama sahaja.

Hadiah menarik menanti Anda

- 1 Diary Notebook
- 1 Kotak Covid-19
- 1 Paket sampul raya

www.agrobank.com.my | www.facebook.com / Agrobank | @AgrobankMy | AgrobankTV

Airasia farm to set up warehouse in Sabah

KOTA KINABALU: AirAsia Group Bhd's airasia farm is planning to set up a warehouse in Sabah in the second quarter of this year. The 3-in-1 warehouse of about 557 sq m will be used as a freezer storage, office and training space for farmers as well as small- and medium-enterprises in Sabah. Airasia farm chief executive officer Joanna Ibrahim said the warehouse would be able to accommodate more fresh produce and be used as a quality control platform. "This can ensure the freshness of a produce in addition to being able to overcome supply disruptions and losses. Besides that, the storage warehouse can ensure the safety of food that is to be distributed to customers. Apart from Kota Kinabalu, we also plan to build similar facilities in Sandakan and Tawau."